

27 OCT 2002

Puteri-Pemilihan

52 CALON REBUT JAWATAN PADA PEMILIHAN PUTERI UMNO JUMAAT INI

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Tiga calon akan merebut jawatan pengerusi tetap Puteri Umno, dua yang lain merebut jawatan timbalan manakala 47 lagi akan bertanding merebut 20 jawatan exco pergerakan itu pada perhimpunan agung Puteri Umno Jumaat ini.

Pengerusi jawatankuasa pemilihan, Tan Sri Kamarul Ariffin berkata jawatan pengerusi tetap akan ditandingi Bibi Sunita Sakandar Khan, Farida Kee Mui Ling dan Rohani Abu Hassan manakala jawatan timbalan menjadi rebutan antara Marlina Abdul Samad dan Sulasi Haji Mahadi.

"Setiap perwakilan akan diberi tiga kertas undi untuk membuat pilihan mereka. Sebanyak 160 tempat mengundi akan disediakan," katanya pada persidangan berita selepas mengendalikan majlis cabutan nombor calon bagi pemilihan itu.

"Pemilihan anggota jawatankuasa pergerakan membabitkan 20 orang. Sekiranya satu kertas undi itu membuat undian kurang daripada 20 nama atau lebih daripada 20, kertas undi itu akan dikira batal," katanya.

Jawatan ketua Puteri Umno dan Naib ketua masing-masing dimenangi tanpa bertanding oleh Azalina Othman dan Noraini Ahmad.

Empat lagi anggota jawatankuasa pemilihan itu ialah Tan Sri Jen (B) Zain Hashim, Tan Sri Zaki Tun Azmi, Tan Sri Nordin Sopiae dan Tan Sri Elyas Omar.

Kamarul berkata beliau menjangka keputusan undian akan diketahui pada kira-kira pukul 7 malam.

Ditanya mengenai kedudukan Azalina yang dilaporkan sedang disiasat oleh Lembaga Disiplin Umno, Kamarul berkata ia bukan dalam bidang kuasa jawatankuasa terbabit.

Beliau berkata mereka hanya bertanggungjawab menapis senarai calon yang akan bertanding pada pemilihan itu dan menentukan sekiranya mereka layak untuk bertanding atau tidak.

"Soal sekiranya dia (Azalina) akan dikenakan hukuman atau tidak, atas sebarang sebab selepas pemilihan, tidak timbul. Itu soal lain," katanya.

Setiausaha Kerja Umno, Tengku Adnan Tengku Mansor yang turut menghadiri sidang berita itu berkata jawatan Azalina dan Noraini sebagai ketua dan naib ketua akan hanya diumumkan selepas mesyuarat pemilihan itu berakhir.

Beliau berkata mesyuarat 165 bahagian yang berakhir 15 Oktober lepas berjalan baik, kecuali lima cawangan dari bahagian Pengkalan Chepa, yang akan bermesyuarat semula pada 29 Okt ini dengan dikendalikan Ibu Pejabat Umno.

Menurutnya Majlis Tertinggi mendapati terdapat kes rasa tidak puas hati selain perjalanan mesyuarat yang meragukan di kelima-lima cawangan dalam bahagian tersebut.

Katanya setiap satu daripada 165 bahagian Puteri Umno itu nanti akan diwakili oleh empat perwakilan menjadikan sebanyak 663 perwakilan akan mengundi pada hari pemilihan termasuk tiga wakil Anggota Majlis Tertinggi Umno yang terdiri daripada Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Shafie Apdal dan Datuk Hassan Harun.

Beliau berkata perhimpunan akan dimulakan dengan ucapan Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina diikuti oleh ucapan Presiden, yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum pemilihan bermula.

-- BERNAMA

AZH AZZ LAT

